

14/12/2001

PM lawat pesakit di Hospital Jitra

ALOR STAR, Khamis - Kedatangan Aidilfitri beberapa hari lagi disambut penuh bermakna oleh 38 pesakit Hospital Jitra, dekat sini, apabila menerima kunjungan mengejut pemimpin negara, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, meluangkan masa lebih 90 minit memberi sumbangan kuih-muih dan duit raya kepada pesakit berkenaan.

Pesakit di wad lelaki, perempuan dan kanak-kanak gembira kerana tidak menyangka kunjungan Dr Mahathir yang mengadakan lawatan singkat dan berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Al Aqla, Jitra.

Terdahulu, 80 bekas ahli Pas Lubuk Merbau, Padang Terap yang menyertai Umno, baru-baru ini menyambut ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Kepala Batas, di sini.

Sebelum itu, ketika berehat di Bilik Bunga Raya lapangan terbang berkenaan, Dr Mahathir menerima memorandum daripada kumpulan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menyatakan sokongan terhadap kerajaan di bawah kepimpinan beliau.

Penyerahan memorandum sokongan itu pertama kali sejak penubuhan UUM pada 1984, berikutan isu mengaitkan pelajar institut pengajian tinggi di negara ini dengan kegiatan antikerajaan dan gerakan bawah tanah.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UUM, Shamsuhardi Basir, mengetuai empat lagi anggota kepimpinan majlis itu, menyerahkan memorandum kepada Dr Mahathir.

Shamsuhardi berkata, ketika menerima memorandum itu, Perdana Menteri mengingatkan mereka dan seluruh pelajar UUM mengutamakan pelajaran daripada politik.

Shamsuhardi berkata, mereka berjanji untuk belajar dengan tekun serta menyampaikan amanatnya kepada pelajar UUM dan berazam mengetepikan kegiatan politik.

(END)